

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1992/93

Oktober/November 1992

SPU 403 - Seminar Dasar dan Pentadbiran Awam

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA** (3) soalan.

1. [i] Namakan satu majlis tempatan yang anda kenali dan senaraikan fungsi-fungsinya.

[iii] Huraikan struktur pentadbiran majlis tersebut dan jelaskan sama ada ia dapat menjalankan tugas-tugas seperti yang telah ditetapkan.

(100 Markah)

2. Pilih satu majlis tempatan daripada senarai di bawah:

Majlis Perbandaran Pulau Pinang;

Majlis Perbandaran Johor Bahru;

Majlis Perbandaran Kota Bharu;

Majlis Perbandaran Kuala Trengganu;

Majlis Perbandaran Kota Setar;

Majlis Perbandaran Kucing (Selatan); atau

Bandaraya Ipoh.

[i] Terangkan majlis tempatan yang anda telah pilih dari segi bilangan dan cara perlantikan ahli majlis yang terdapat di dalamnya.

[iii] Huraikan peranan mereka sebagai ahli majlis.

...2/-

[iii] Akta Kerajaan Tempatan (1976) menyatakan tiga kategori kelayakan untuk dilantik sebagai ahli majlis. Senaraikan ketiga-tiga kategori tersebut.

[iv] Nyatakan pandangan anda tentang cadangan bahawa tempoh seseorang ahli majlis dihadkan selama enam (6) tahun.

(100 Markah)

3. Kebanyakan majlis tempatan mengalami kekurangan wang untuk menjalankan tugas-tugas mereka.

[i] Huraikan sumber-sumber pendapatan sesebuah majlis tempatan.

[ii] Cadangkan bagaimana majlis tempatan tersebut dapat meningkatkan pendapatannya. Anda mesti kemukakan alasan-alasan untuk menyokong cadangan anda itu supaya dapat dilaksanakan memandangkan keadaan sosio-ekonomi dan politik yang wujud pada masa kini.

(100 Markah)

4. Penguatkuasaan undang-undang yang cekap dan berkesan amatlah penting dalam pengurusan bandar. Bincangkan.

(100 Markah)

5. Salah satu cabaran yang terkandung dalam Wawasan 2020 ialah pengwujudan sebuah masyarakat penyayang (caring society). Terangkan peranan dan langkah-langkah yang dapat dilaksanakan oleh majlis tempatan untuk mencapai cita-cita pengwujudan masyarakat penyayang di Malaysia.

(100 Markah)

- 0000000 -